

Bil.	Kategori	Sub-Kategori	DIBENARKAN MASUK	TIDAK DIBENARKAN MASUK
1	Warganegara	(a) Berasal daripada negeri Sabah	Pemegang MyKad kod "H"	
		(b) Isteri/ suami kepada rakyat Sabah dan tanggungan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memiliki pas-pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah; atau</li> <li>ii. Bukti perkahwinan;</li> <li>iii. Sijil lahir anak/ tanggungan</li> </ul>	
		(c) Bukan berasal daripada negeri Sabah	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pemastautin Tetap Sabah;</li> <li>ii. Pelajar di institusi-institusi negeri Sabah (Memiliki kad pelajar / pas pelajar daripada Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah)</li> </ul>	<b>TIDAK</b> memiliki kad pelajar yang sah tempoh / pas pelajar daripada Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah.
		(d) Berkerja dalam Perkhidmatan Penting (Essential Services) dan tanggungan.	Memiliki pas-pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>TIDAK</b> memiliki pas-pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah.</li> </ul>
		(e) Anggota perkhidmatan awam Persekutuan dalam Perkhidmatan Penting (Essential Services) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagi yang bertugas / arahan penempatan secara <b>TETAP</b> di negeri Sabah.                             <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Sedang bertugas di Negeri Sabah.</li> </ul> </li> <li>• Tanggungan kepada anggota perkhidmatan awam Persekutuan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memiliki cop Seksyen 66(1)(d) Akta Imigresen 1959/63 yang sah tempoh.</li> <li>ii. Memiliki cop Seksyen 66(2) atau Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (Sabah) yang sah tempoh.</li> <li>iii. Angkatan Tentera Malaysia .</li> </ul> <p><b><u>Bagi anggota yang TIDAK memiliki cop Seksyen 66(1)(d) Akta Imigresen 1959/63 adalah dikehendaki untuk mematuhi panduan kemasukan seperti berikut:</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Memiliki Dokumen Perjalanan Terhad (DPT) atau Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) sebelum penerbangan.</li> <li>2) Kemasukan ke negeri Sabah <b>HENDAKLAH</b> menggunakan DPT atau PMA untuk mendapatkan cop seksyen.</li> <li>3) Mendapatkan cop Seksyen 66(1)(d) Akta Imigresen 1959/63 semasa ketibaan di pintu masuk negeri Sabah.                             <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sertakan kepada Imigresen dokumen sokongan seperti <b>surat perakuan</b> atau <b>surat penempatan</b> dari jabatan untuk berkhidmat di negeri Sabah.</li> </ul> </li> </ol> <p><b><u>Panduan kemasukan bagi tanggungan kepada anggota perkhidmatan awam Persekutuan:</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) <b>HENDAKLAH</b> menunjukkan bukti perhubungan sebelum kemasukan ke negeri Sabah;</li> <li>2) <b>HENDAKLAH</b> mendapatkan cop Seksyen 66(2) Akta Imigresen 1959/63 atau memohon Pas Lawatan Sosial jangka Panjang di pejabat Imigresen Sabah dengan <b>SERTA MERTA</b>, setelah masuk ke negeri Sabah.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>TIDAK</b> memiliki Dokumen Perjalanan Terhad (DPT) atau Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA).</li> <li>• <b>TIDAK</b> memiliki dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan untuk mendapatkan cop Seksyen setibanya di pintu masuk negeri Sabah.</li> </ul>

Bil.	Kategori	Sub-Kategori	DIBENARKAN MASUK	TIDAK DIBENARKAN MASUK
2	Bukan Warganegara	(a) Isteri/ suami kepada rakyat Sabah dan tanggungan	i. Memiliki pas-pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah; atau ii. Bukti perkahwinan; iii. Sijil lahir anak/ tanggungan (tidak melebihi 18 tahun)	
		(b) Pemastautin Tetap Sabah	Memiliki MyPR kod "H" / Kad Permit Masuk / Endosmen Permit Masuk dalam Pasport	
		(c) i. Pemegang Pas Kerja dalam Perkhidmatan Penting (Essential Services) dan tanggungan.  ii. Pelajar di institusi-institusi negeri Sabah	Memiliki pas-pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah	• <b>TIDAK</b> memiliki pas-pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah.
		(d) Pas Sementara i. MyKAS Sabah ii. IMM13 Sabah	i. Pas Sementara hendaklah sah tempoh; dan ii. Tempoh perjalanan dinyatakan di dalam Surat Kemudahan Berlepas oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah hendaklah sah tempoh.	i. Pas Sementara tamat tempoh; dan ii. Tempoh perjalanan dalam Surat Kemudahan Berlepas tamat tempoh.

**PENGECUALIAN SEKATAN KEMASUKAN:**

- Diplomat yang layak di bawah Perintah Pengecualian (*Exemption Order*) dan tanggungan. Bagi diplomat atau staf kedutaan yang belum mempunyai pas / kemasukan kali pertama, mereka perlu mendapat kelulusan masuk dari Ketua Pengarah Imigresen terlebih dahulu.
- Anak Kapal (tidak melibatkan sektor Minyak dan Gas) bagi warganegara dan bukan warganegara yang masuk bagi menjalankan aktiviti *sign-on* atau *joint ship*.
  - Sertakan dokumen-dokumen seperti berikut: MyKad / Pasport; *Seaman Book*; *Letter of Guarantee* daripada Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah (Bahagian Pelabuhan).

**Nota:**

- Kategori yang tidak dibenarkan masuk **hendaklah** mengemukakan permohonan kepada Jabatan Ketua Menteri melalui Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan untuk pertimbangan. Layari: <https://hednp.sabah.gov.my/>
- Kemasukan ke negeri Sabah bagi tujuan lawatan sosial adalah **tidak dibenarkan**.

**\* Perubahan tempoh berkuatkuasa adalah tertakluk dengan arahan-arahan dan SOP semasa.**

**SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BAGI SELURUH NEGERI SABAH**

*Dikemaskini pada 23 Januari 2021*

**SENARAI PERKHIDMATAN PERLU (ESSENTIAL SERVICES)**

**PENGILANGAN:**

1. Aeroangkasa termasuk MRO;
2. Auromotif (kenderaan dan komponen);
3. Makanan, minuman dan rantaianya;
4. Pembungkusan dan percetakan;
5. Produk barangan rumah, barang penjagaan diri (FMCG - sabun, pembersih diri dan lain-lain) dan bahan pencuci termasuk rantaianya;
6. Penjagaan kesihatan dan perubatan termasuk penokok diet;
7. Peralatan perlindungan peribadi (PPE) dan peralatan keselamatan kebakaran;
8. Komponen untuk alat perubatan;
9. Elektrikal dan elektronik;
10. Minyak dan gas (*Oil and Gas*);
11. Petrokimia dan produk petrokimia;
12. Produk kimia;
13. Mesin dan peralatan;
14. Seramik (seramik sebagai acuan bagi pembuatan sarung tangan);
15. Besi dan keluli;
16. Tekstil yang melibatkan pengeluaran PPE sahaja;
17. Sektor perabot; dan
18. Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan dan pengagihan bahan api dan pelincir.

**PEMBINAAN:**

19. Pembinaan
  - i. Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kritikal;
  - ii. Kerja-kerja pembinaan infrastruktur awam yang utama; dan
  - iii. Kerja-kerja pembinaan bangunan yang menyediakan penginapan pekerja yang lengkap di tapak bina atau pekerja yang ditempatkan di Kwarters Pekerja Berpusat (CLQ).
20. Automotif (Pembaikan dan Penyelenggaraan Sahaja);

**PERKHIDMATAN:**

21. Perkhidmatan Kewangan dan rantaianya:
  - i. Institusi Kewangan (Perbankan, Insurans, Takaful dan entiti-entiti lain yang dilesen, diilulus atau didaftar oleh Bank Negara Malaysia); dan
  - ii. Entiti-entiti pasaran modal yang dilesen, didaftar atau dikawalselia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
22. Perkhidmatan perbandaran dan kerajaan tempatan:
  - i. Pajak gadai/kredit komuniti (syarikat peminjam wang berlesen);
  - ii. Pengurusan sisa pepejal/ pembetulan;
  - iii. Pembersihan awam; dan
  - iv. Pembersihan premis dan sanitasi.
23. Komunikasi termasuk telekomunikasi dan internet, pos dan kurier, dan penyiaran;
24. Teknologi maklumat termasuk perkhidmatan perniagaan global dan pusat panggilan;
25. E-Dagang dan rantaianya termasuk perkhidmatan e-marketplace, pembayaran digital dan pusat internet e-dagang setempat;
26. Pembangunan kandungan kreatif digital di studio termasuk penyuntingan filem;
27. Hotel dan penginapan;
28. Sektor pertanian, perikanan dan penternakan termasuk perkhidmatan veterinar:
  - i. Pengurusan ladang/ sarang burung walit/ kuda/ loji pemprosesan haiwan/ rumah sembelihan/ ternakan/ kilang makanan haiwan ternakan/pembekal spt vaksin/pengurusan ternakan/kedai haiwan kesayangan (operasi pemindahan ternakan adalah pada waktu malam);
  - ii. Kawalan penyakit dan dikawalselia pengeluaran ternakan hidup, input ternakan dan produk berkaitan industri ternakan (termasuk eksport dan import); dan
  - iii. Pengurusan kesihatan, diagnosa penyakit dan rawatan haiwan.
29. Utiliti (air dan tenaga);
30. Perkhidmatan profesional (termasuk akauntan/ peguam/ auditor/ jurutera/ arkitek), saintifik (termasuk R&D) dan teknikal (termasuk penyenggaraan);

31. Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (*Security Services*);
32. Keselamatan dan Pertahanan;
33. Perkhidmatan kehakiman dan perundangan;
34. Pengangkutan melalui darat, air atau udara; dan
35. Perkhidmatan dan pengusahaan pelabuhan, limbungan dan lapangan terbang, termasuk pemunggahan dan pemindahan kargo, pemaliman, penyimpanan atau pemukalan komoditi.

**PERDAGANGAN DAN PENGEDARAN:**

36. Penggudangan dan Logistik;
37. Perkhidmatan/ Penjualan/ Penghantaran Makanan dan Minuman; dan
38. Peruncitan/ Pengedaran/ Pemborongan serta rantaianya:
  - i. Kompleks membeli-belah; pasar raya besar; departmental store (hanya makanan, keperluan harian, keperluan bayi dan kanak-kanak, perubatan, peralatan elektrik dan berkaitan perlindungan dengan COVID-19);
  - ii. Farmasi / penjagaan diri; kedai serbaneka / mini mart; dobi termasuk layan diri ); restoran ; kedai cermin mata; kedai telefon; kedai perabot; kedai emas; kedai elektrik dan elektronik; kedai buku & alat tulis; kedai hardware; makanan haiwan; bengkel kenderaan dan penyelenggaraan serta alat ganti; pusat pengedaran dan jualan kereta; stesen minyak dan kedai peralatan sembahyang dan pengebumian.

**PERLADANGAN DAN KOMODITI:**

39. Pertanian, perikanan dan penternakan serta rantaianya; dan
40. Perladangan dan komoditi serta rantaianya.

**LAIN – LAIN:**

41. Apa-apa perkhidmatan, kerja, industri dan perniagaan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri Kesihatan selepas berunding dengan pihak berkuasa yang mengawal selia perkhidmatan, kerja, industri dan perniagaan itu.

*Kemas kini pada: 28 Januari 2021\_v1*

*Muka surat : 3 / 4*

# PANDUAN MASUK BAGI ANGGOTA YANG TIDAK MEMILIKI COP SEKSYEN 66(1)(d) AKTA IMIGRESEN 1959/63

BAGI KATEGORI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN (BUKAN BERASAL DARI SABAH) YANG BERTUGAS / PENEMPATAN SECARA TETAP DI NEGERI SABAH




## DOKUMEN PERJALANAN

Anggota perkhidmatan awam Persekutuan yang bertugas di negeri Sabah **HENDAKLAH** memiliki **Dokumen Perjalanan Terhad (DPT)** atau **Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA)**.




## CARA KEMASUKAN

Kemasukan ke negeri Sabah **HENDAKLAH** menggunakan DPT atau PMA untuk mendapatkan cop seksyen.




## COP SEKSYEN 66(1)(d) AKTA IMIGRESEN 1959/63

**HENDAKLAH** mendapatkan cop Seksyen 66(1)(d) Akta Imigresen 1959/63 semasa ketibaan di pintu masuk negeri Sabah.



## DOKUMEN SOKONGAN DIPERLUKAN OLEH IMIGRESEN

Sertakan kepada Imigresen dokumen sokongan seperti **surat perakuan** atau **surat penempatan** dari jabatan untuk berkhidmat di negeri Sabah.



## TANGGUNGAN KEPADA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN

Hendaklah menunjukkan **bukti perhubungan** sebelum kemasukan ke negeri Sabah dan **HENDAKLAH** mendapatkan cop Seksyen 66(2) Akta Imigresen 1959/63 atau memohon Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang di pejabat Imigresen Sabah dengan **SERTA MERTA**, setelah masuk ke negeri Sabah.